



MAJLIS DAERAH
SARIKEI

PELAN STRATEGIK 2020 - 2024



Disediakan oleh
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH SARIKEI
SARAWAK

Edisi 1.0, 2020

© 2020, Majlis Daerah Sarikei. Hak Cipta terpelihara.

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini hendaklah dialamatkan kepada:-

Setiausaha
MAJLIS DAERAH SARIKEI
Jalan Nyelong,
96100 Sarikei,

Tel: 6084-651201, 651202
Faks: 6084-653702 / 658623

E-Mel: mdsarikei@sarawak.gov.my

Laman Web: <http://www.sarikeidc.sarawak.gov.my/>

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Perutusan Pengerusi Majlis	5
Kata Aluan Setiausaha Majlis	6 – 7
Mengenai Dokumen Ini	8

Bahagian 1: Profil Majlis Daerah Sarikei **9 – 19**

Sejarah Majlis Daerah Sarikei	10
Kuasa Statutori	10 – 11
Fungsi Majlis Daerah Sarikei	12 – 16
Struktur Organisasi	17 – 19

Bahagian 2: Analisa Persekitaran **20 – 24**

Persekitaran Organisasi	21
<i>Analisa S.W.O.T</i>	21
<i>Analisa P.E.S.T.L.E</i>	22 – 24

Bahagian 3: Analisa Pelanggan **25 – 28**

Pelanggan	26
<i>Stakeholders</i>	27 – 28
Cadangan Nilai Pelanggan- <i>Stakeholders</i>	28

Bahagian 4: Halatuju Strategik **29 – 45**

Impak Strategik 2020 – 2024	30
Isu dan Cabaran	31 - 32
Rangkakerja Pelan Strategik	33
Penjajarab Strategik	34 – 35
Visi dan Misi Majlis Daeah Sarikei	36 – 37
Nilai Teras Bersama	38 – 39
Tema Strategik dan Hasil Strategik	40 – 41
Objektif Strategik	41 – 42
Inisiatif Strategik	43 – 45

Bahagian 5: Pelan Tindakan Strategik 2020 – 2024	46 – 58
Pelan Tindakan Strategik	47
Penyediaan Pelan Tindakan Strategik	47
Jadual Pelan Tindakan Strategik 2020 – 2024	48 – 58
Bahagian 6: Peta Strategi & Scorecard	59 – 67
Peta Strategi 2020	60
Scorecard Majlis Daerah Sarikei 2020	61 – 67
Bahagian 7: Pengurusan Pelan Strategik	68 – 72
Pengurusan Pelan Strategik	69
Mekanisme Pelaksanaan	69
Pelaksanaan Pelan Strategik	70 – 72
Bahagian 8: <i>Beyond 2025</i>	73 – 80
Melangkah Ke Hadapan	74
Transformasi Masa Depan	74 – 75
Andaian Strategik	75
Kesimpulan	76
Penghargaan	77



PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS




Salam sejahtera

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak pengurusan dan Ahli-ahli Majlis yang terlibat dalam menyediakan *roadmap* bagi 2020 – 2024 Majlis Daerah Sarikei kali ini.

Lima tahun akan datang merupakan tempoh yang penting dalam melonjak kesejahteraan rakyat dalam Daerah Sarikei yang tahap yang lebih tinggi dan membanggakan. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Sarawak untuk menjadikan Sarawak sebagai negeri berpendapatan tinggi dan kualiti hidup yang tinggi menjelang 2030.

Majlis Daerah Sarikei akan terus menyediakan perkhidmatan yang berorientasikan rakyat dalam mewujudkan persekitaran hidup yang lestari untuk semua. Melalui pelan strategik ini, saya menyeru semua Ahli-ahli Majlis meningkatkan usaha dalam mengenalpasti dan menyelesaikan isu dalam komuniti dengan berkerjasama dengan pegawai dan staf Majlis.

Harapan saya semoga semua program dan projek yang telah dirancang dalam 5 tahun akan datang dapat kita laksana bersama dengan jayanya. Sebagai satu pasukan kita akan mencapai kejayaan yang lebih bermakna.



Sekian, terima kasih

“BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI”

WONG ZEE YENG

Pengerusi

MAJLIS DAERAH SARIKEI

KATA ALUAN DARIPADA SETIAUSAHA MAJLIS



Salam sejahtera.

Pelan Strategik Majlis Daerah Sarikei 2020 – 2024 merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Majlis Daerah Sarikei 2016 – 2020. Dalam melakar halatuju strategik Majlis bagi tempoh 2020 – 2024 usaha telah dibuat untuk menjajar halatuju strategik dengan halatuju strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak dan perspektif strategik Kerajaan Sarawak untuk menjadikan Sarawak mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi dan kualiti hidup yang tinggi menjelang Tahun 2030.

Pelan strategik ini juga telah mengabungkan prinsip Balanced Scorecard (BSC) dan menggunakan Scorecard Majlis sebagai alat pengukur prestasi strategik. Dalam tempoh lima tahun akan datang, Majlis Daerah Sarikei akan terus memberi fokus kepada lima bidang strategik atau tema strategik, iaitu (i) Tadbir Urus Yang Baik dan Pematuhan Peraturan, (ii) Pengurusan Program dan Projek, (iii) Libat Urus Stakeholder, (iv) Penguatkuasa dan (v) Perkhidmatan Perbandaran.

Selaku Setiausaha Majlis, saya akan terus memastikan kerjasama di antara pihak pengurusan dan Ahli-ahli Majlis akan terus diperkukuhkan bagi membolehkan segala program dan projek yang telah dirancang dalam lima tahun akan datang dapat memberi



impak kepada komuniti dan rakyat dalam kawasan jagaan Majlis. Pelan strategik ini akan digunakan sebagai panduan dalam mengagihkan sumber-sumber Majlis. Ketua-ketua Bahagian perlulah lebih prihatin dengan keutamaan yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam pelan strategik ini nanti.

Tempoh lima tahun akan datang juga merupakan tempoh yang penting kerana ia merupakan fasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 yang sudah pasti diharapkan dapat memberi pertimbangan kepada projek-projek pembangunan sosio-ekonomi yang diperlukan untuk melestarian persekitaran hidup rakyat dalam Daerah Sarikei. Adalah diharapkan juga Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terus memberi sokongan dan sumbangan peruntukan atau dana untuk meneruskan program dan projek pembangunan yang telah dirancang. Namun demikian, Majlis akan terus

berusaha untuk meningkatkan hasil sebagai langkah untuk memperkasa kapasiti Majlis dan menjadikan sebuah Majlis yang mampu berdikari dalam pengurusan operasinya.

Penyediaan pelan strategik ini merupakan langkah permulaan dalam menempa kejayaan dalam masa 5 tahun akan datang. Inisiatif akan diambil untuk menyemak, menambahbaik dan mengemaskini dokumen ini nanti selaras dengan perubahan persekitaran dalaman dan luaran Majlis. Penyertaan Ahli-ahli Majlis dalam penyediaan pelan strategik bersama pegawai pengurusan Majlis akan terus diamalkan sebagai

langkah untuk mendapatkan idea dan input yang lebih komprehensif dalam memastikan Majlis kekal menjadi agensi barisan hadapan yang relevan dalam mendokong aspirasi kerajaan dan kehendak rakyat.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bekerja keras dalam menyumbang idea, perbincangan, analisis dan penulisan dokumen Pelan Strategik ini. Semoga niat murni kita semua akan membantu dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dan komuniti dalam kawasan jagaan Majlis.

Sekian, terima kasih
‘BERUSAHA BERSATU, BERBAKTI’
AN HONOUR TO SERVE

SAIT ANAK ENGGANG
SETIAUSAHA MAJLIS
MAJLIS DAERAH
SARIKEI



MENGENAI DOKUMEN INI

Bahagian 1: Majlis Daerah Sarikei	Menghuraikan sepintas lalu sejarah, punca kuasa, fungsi teras dan organisasi Majlis Daerah Sarikei.
Bahagian 2: Analisa Persekitaran	Menjelaskan persekitaran dalaman dan luaran organisasi Majlis Daerah Sarikei melalui analisa S.W.O.T dan analisa P.E.S.T.L.E.
Bahagian 3: Analisa Pelanggan Dan Stakeholder	Mengenalpasti kumpulan pelanggan dan stakeholders Majlis Daerah Sarikei dan mencadangkan nilai dalam berurusan dengan mereka.
Bahagian 4: Halatuju Strategik	Menjelaskan visi, misi, nilai teras bersama dan tema serta hasil strategik yang akan menjadi tumpuan dalam 5 tahun akan datang.
Bahagian 5: Pelan Tindakan Strategik Dan Petunjuk Prestasi Utama 2020 – 2024	Menyatakan tindakan strategik dalam melaksanakan strategi utama ke arah merealisasikan objektif strategik. Kejayaan pelan tindakan strategik diukur melalui KPI.
Bahagian 6: Peta Strategi dan Scorecard	Menghuraikan secara grafik hubungkait antara objektif strategik merentasi empat perspektif untuk membentuk strategi Majlis. Template Scorecard yang digunakan untuk mengukur prestasi strategik tahunan.
Bahagian 7: Pengurusan Pelan Strategik	Menghuraikan perkara-perkara dan tindakan yang perlu diberi perhatian dalam menjayakan pelan strategik ini.
Bab 8: Melangkah Ke hadapan	Menjelaskan isu dan cabaran yang mungkin perlu dihadapi dalam pelaksanaan pelan ini menjelang dan selepas Tahun 2025.

Bahagian 1: **PROFIL MAJLIS DAERAH SARIKEI**

Sejarah Majlis Daerah Sarikei

Bilangan penduduk mengikut anggaran tahun 2014 (Statistik Jabatan Perangkaan 2014) ialah lebih kurang 69,400 orang. Kawasan yang paling padat dengan penduduk ialah kawasan bandar Sarikei sendiri dan pertambahan penduduk di kawasan ini dijangka meningkat apabila jalanraya yang menghubungkan kawasan perindustrian Tanjung Manis dan lain-lain daerah disiapkan sepenuhnya nanti.

Pejabat Majlis Daerah Sarikei terletak di Jalan Nyelong, Sarikei iaitu berhadapan dengan Dewan Suarah, Sarikei.

Terdapat 32 orang ahli-ahli Majlis (Konselar) termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh TYT Yang Di Pertua Negeri Sarawak untuk melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada rakyat.

Majlis Daerah Sarikei sehingga Disember 2019 mempunyai 75 orang kakitangan bertaraf tetap daripada pelbagai jawatan dan gred. Ianya diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir (Setiausaha) dan dibantu oleh Penolong Pegawai Tadbir (Timbalan Setiausaha) yang membantu untuk mentadbir bahagian pengurusan dan pembangunan komuniti termasuk perancangan dan pembangunan.

Kuasa Statutori

Majlis Daerah Sarikei melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jagaannya menurut kuasa undang-undang yang termaktub di bawah Local Authorities Ordinance

1996 dan undang-undang lain yang berkaitan serta Undang-Undang Kecil Majlis Tempatan (Council By-Laws) yang digubal dan termaktub dalam Ordinan yang sama.

Ordinan, Undang-undang Kecil, Akta dan Peraturan:-

1. The Sarawak Building Ordinance, 1994
2. The Building (Exemption) Order, 1996
3. The Local Authorities Ordinance, 1996
4. Storage of Petroleum By-Laws, 1962 & (Storage of Petroleum) (Amendment) By-Laws, 1982
5. Hawking By-Laws 1962 & (Hawking) (Amendment) By-Laws, 1992
6. Licensing of Miscellaneous Occupation By-Laws, 1962 &

(Licensing of Miscellaneous Occupation) (Amendment) By-Laws, 1992

7. The Protection of Public Health (Barber's and Hairdressers' Shop) Regulation, 2003
8. The Protection of Public Health (Licensing of Hotels and Lodging Houses) Regulations, 2003
9. The Public Health Ordinance (Laundries) By-Laws, 1962
10. Local Authority Rating Regulation, 1997

11. The Entertainment Ordinance, 2000
12. (Markets) By-Laws,1962 & (Markets) (Amendment) By-Laws, 1992
13. The Local Authorities (Reflexology and Health Establishment) By-Laws, 2009
14. The Local Authorities (Compounding of Offences) By-Laws, 1999
15. The Local Authorities (Cleanliness) By-Laws, 1999
16. The Local Authorities (Advertisement) By-Laws, 2012
17. The Protection of Public Health Ordinance, 1999
18. Sarawak Land Code (Cap.81)
19. The Local Authorities Financial Regulation, 1997
20. Treasury Instructions
21. The Entertainment By-Laws, 2001
22. Peraturan - Peraturan Makanan, 1985
23. Food Regulation Act, 1983(Act 281)
24. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan), 2004
25. The Local Authorities Service Regulation, 2000
26. Peraturan-Peraturan Perpustakaan, 1999
27. Arahan Keselamatan
28. The Public Service Commission Rules, 1996
29. Akta Pengangkutan Jalan , 1987 (Akta 333 & 334)
30. Akta Pemberi Pinjaman Wang, 1951. (Akta 400).
31. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan, 2009
32. The Public Health Ordinance (Laundaries) (Amendment) By-Laws, 2008
33. The Entertainment (Amendment) Ordinance, 2005

Fungsi Majlis Daerah Sarikei

Fungsi Majlis Daerah Sarikei dibahagikan kepada dua, iaitu Fungsi Teras dan Fungsi Am. Fungsi Am majlis terdiri daripada Pentadbiran dan Perbendaharaan.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Fungsi Teras dan Fungsi Am dilaksanakan dengan berkesan melalui 6 bahagian strategik dalam Majlis Daerah Sarikei .

Fungsi Utama

Fungsi teras adalah penyediaan pekhidmatan perbandaran, kutipan cukai taksiran, penguatkuasaan Ordinance Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan Undang-undang Kecil Majlis, dan Pembangunan Komuniti.

Fungsi- fungsi utama ini dilaksanakan melalui beberapa aktiviti strategik dalam bahagian-bahagian organisasi Majlis seperti berikut:-

Bahagian Penilaian dan Pencukaian

- Menjalankan kerja-kerja ukur periksa.
- Menilai semula pegangan berkadar.
- Menyediakan bil-bil cukai taksiran
- Menyediakan laporan kutipan cukai bulanan dan tahunan.
- Pengurusan tuntutan tunggakan cukai (Menyediakan notis peringatan dan surat tuntutan (LOD))
- Menyediakan anggaran hasil cukai bagi belanjawan tahunan
- Menguruskan bayaran in lieu of rates pegangan/harta kerajaan

Persekutuan dan Negeri.

- Memproses permohonan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran.
- Mengeluarkan 'Letter of Demand' dan 'Caveat'.

Bahagian Kejuruteraan

- Pelaksanaan projek pembangunan.
- Penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan seperti jalan raya, parit/ longkang, jambatan, lampu jalan, taman-taman, dan bangunan.
- Mengurus dokumen tender dan kontrak.
- Memproses permohonan pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan. (Occupational Permit)
- Memantau pelaksanaan projek.
- Mengurus kerja-kerja penyelenggaraan
- Menyediakan laporan prestasi fizikal dan keadaan projek-projek pembangunan.

Bahagian Penguatkuasa

- Penguatkuasaan Local Authority Ordinance, undang-undang kecil, akta dan peraturan yang berkaitan.
- Menyediakan Laporan Penguatkuasaan Mingguan
- Mengeluarkan notis dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pesalah yang enggan mematuhi peraturan-peraturan.

Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar

- Pengurusan alam sekitar dan kesihatan awam melalui sistem pengumpulan sampah, penyelenggaraan perparitan dan rumput dan pembersihan jalan- jalan yang berkesan.
- Kawalan penyakit berjangkit seperti demam denggi dan wabak lain.
- Mengawal kualiti dan keselamatan makanan.
- Penyelenggaraan pasar dan tandas awam.
- Memproses permohonan pelbagai lesen perniagaan.
- Semakan ke atas pelan-pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan baru ..
- Penguatkuasaan Akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kesihatan awam.

Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat

- Membantu dan memberi sokongan ke atas program dan projek-projek sosial, ekonomi dan alam sekitar yang dimulakan oleh komuniti .
- Membantu komuniti mengurus dan mengendalikan perubahan.
- Mengubah komuniti tempatan kearah membentuk komuniti yang berdikari dan berdaya maju.
- Menggalakkan sukarelawan di kalangan belia.
- Memberi peluang dan ruang untuk membentuk kerjasama dan perkongsian diantara komuniti dalam kawasan jagaan majlis.
- Urusetia Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).
- **Seksyen Perpustakaan**
 - Menguruskan perpustakaan awam dan perpustakaan desa / pusat sumber.
 - Menambah koleksi perpustakaan - buku dan pelbagai bahan bacaan lain.
 - Memproses permohonan keahlian
 - Mengemaskini rekod dan inventori perpustakaan.
 - Klasifikasi buku dan pengkatalogan.
 - Mengumpul dan menyusun perangkaan yang berkaitan dengan operasi perpustakaan.

Fungsi Am

Fungsi Am merupakan fungsi yang boleh didapati di lain-lain organisasi.

Fungsi Am berfungsi untuk menyediakan, membantu dan melicinkan penyampaian perkhidmatan fungsi teras.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan

- Pentadbiran Am Dan Perkhidmatan Korporat
- Pengurusan Sumber Manusia
 - Perjawatan
 - Penstruktur Semula
 - Pengisian Jawatan
 - Penggredan Semula Jawatan
 - Pengesahan dalam Jawatan
 - Perlanjutan tempoh
 - Skim Perkhidmatan
 - Pemangkuan, penanggungjawab kerja
 - Pengurusan Tatatertib
 - Persaraan
 - Cuti
 - Pembangunan Sumber Manusia
 - Perancangan sumber manusia
 - Latihan dan Pembangunan Kompetensi
 - Urusetia Mesyuarat Majlis
 - Pengurusan Mesyuarat
 - Mesyuarat Majlis Penuh dan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis
 - Mesyuarat Dalaman – Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Staf MDS,
 - Mesyuarat Luar Majlis – mesyuarat bersama kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan

- Persekutuan dan Negeri Sarawak.
- Pengurusan Rekod dan Fail
 - Pentadbiran Registri/Bilik Fail dan Bilik Rekod
 - Pelupusan Rekod
- Pembaharuan Pentadbiran, Inovasi dan Transformasi
 - Pengurusan Piagam Pelanggan
 - KPI – Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama
 - Pengurusan Prestasi Balanced Scorecard
 - Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja
 - Kumpulan Inovatif dan Kreatif.
 - Anugerah Perkhidmatan dan Kualiti
 - Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak (AKMS)
 - Anugerah Perkhidmatan Pelanggan (APP).
 - Amalan Persekitaran Berkualiti 5s/EKSA
 - Star Rating
 - Indeks Akauntabiliti
- Piawaian International Organization for Standardization (ISO) - MS ISO 9001:2015
 - Analisa Risiko
 - Audit Kualiti Dalaman
 - Tindakan Pembetulan dan Pencegahan
 - Audit Pemantauan
 - Kawalan Dokumen dan Data
 - Kajian Semula Pengurusan.
- Pengurusan Strategik
 - Pemantauan dan penyelarasan Pelan Tindakan Strategik dan KPI.
 - Semakan dan kaji semula
 - Penilaian prestasi.

- Pembangunan Organisasi.
- Perhubungan Awam -Publisiti, promosi dan protokol.
- Pengurusan Fasiliti
- Pengurusan Pejabat
 - Lunch Talk
 - Perhimpunan Bulanan
 - Pengurusan Ruang dan Kebersihan Pejabat
 - Pencegahan Kebakaran
 - Keselamatan di tempat kerja
- Penerbitan Majlis
 - Laporan Tahunan
 - Buletin Majlis
- Pengurusan Majlis/Sambutan, Perayaan dan Acara
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan
 - Kemudahan Pelanggan
 - Pengurusan Aduan Awam
 - Pengurusan Media
 - Pengurusan Maklumbalas Pelanggan/stakeholders
- Pengurusan Komunikasi Dan Teknologi Maklumat
 - Keselamatan Teknologi Maklumat
 - Penggunaan Perkhidmatan internet, email dan perisian.
 - Laman web Majlis
- **Seksyen Kewangan**
 - Pengurusan Akaun
 - Pembayaran
 - Penerimaan
 - Pengurusan Waran Peruntukkan Tahunan
 - Pengurusan Belanjawan Dan Dana
- Emolumen, elaun. Tuntutan, dan pinjaman kakitangan.
- Pengurusan Aset
- Pengurusan Stor
- Pematuhan kepada Peraturan Kewangan
- Pengurusan Akaun Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunan Serta Maklumbalas Audit.




Struktur Organisasi

Majlis Daerah Sarikei diketuai oleh seorang Pengerusi Majlis yang dilantik oleh TYT Negeri Sarawak. Seramai 30 ahli-ahli Majlis yang mewakili parti politik pemerintah dilantik oleh TYT Negeri Sarawak sebagai wakil dalam Majlis Daerah Sarikei. Majlis menetapkan dasar dan membuat keputusan penting melalui Mesyuarat Majlis Penuh dan pelbagai jawatankuasa tetap Majlis.. Kuasa Majlis adalah seperti yang ditetapkan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996.

Pentadbiran/Pengurusan Operasi Majlis Daerah Sarikei diketuai oleh Setiausaha Majlis selaku Ketua Pegawai Tadbir Majlis. Setiausaha Majlis Daerah Sarikei dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 37 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan selepas berunding dengan Setiausaha Kerajaan Negeri. Setiausaha Majlis dibantu oleh Penolong Setiausaha bagi memperkasa pengurusan operasi Majlis.




Carta Fungsi Majlis Daerah Sarikei 2020



Carta Organisasi



Carta Organisasi Majlis Daerah Sarikei



Dikemaskini: 31.12.2019

Bahagian 2:
**ANALISA
PERSEKITARAN**

Persekitaran Organisasi

Analisa persekitaran organisasi dilakukan untuk menilai persekitaran dalaman dan persekitaran luaran yang ada impak ke atas organisasi Majlis Daerah Sarikei . Analisa S.W.O.T (Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman) digunakan sebagai input dalam pemilihan bidang fokus utama, objektif strategik, strategi utama dan pelan tindakan strategik.



Analisa SWOT

PEMBOLEH CABARAN

Kekuatan (*Strengths*)

- Sokongan pengurusan atasan yang baik.
 - Halatuju strategic yang jelas
- Kerjasama dan jaringan Kerja yang baik dengan PBT dan MLGH.
 - Simpanan kewangan yang baik.
 - Ruang Pejabat dan persekitaran Kerja yang kondusif.
 - Kepimpinan yang baik, komited, cekap dan bertanggungjawab.
 - Hubungan yang baik antara jabatan/agensi kerajaan dan swasta (NGO).
- Semangat kerja berpasukan yang tinggi.
- Kakitangan yang kompetent dan multi-tasking.

Kelemahan (*Weaknesses*)

- Perubahan dalam kepimpinan atasan/politik.
- Sumber kewangan yang terhad.
- Sumber manusia terhad.
- Tiada succession plan dibawah PSC.
- Projek dan Kemajuan kerjaya tidak jelas dan terhad.
- Kekurangan staf penguatkuasa dan teknikal.
- Kekangan untuk berubah – status quo (Sukar menerima perubahan)
- Campurtangan dan kepentingan politik dalam merancang dan melaksanakan polisi.

Peluang (<i>Opportunities</i>)	Ancaman (<i>Threats</i>)
• Keakraban perhubungan dan kerjasama dengan PBT lain. • Sumber Hasil daripada PBT. • Peningkatan penggunaan kemudahan ICT (Online) dan IT. • Polisi kerajaan berorientasikan rakyat (Wawasan Kemakmuran Bersama). • Sokongan ahli politik komuniti dalam agenda transformasi Majlis • Potensi pertumbuhan ekonomi hasil daripada Program Transformasi Kerajaan Agropolitan/Foodbasket. • Keadaan yang aman dan harmoni. • Pembangunan kemudahan asas/infrastruktur yang terancang. • Semangat kesukarelaan. • Sumber hasil yang pelbagai. • Eko-Pelancongan.	• Kekurangan kemudahan infrastruktur dan pembangunan komuniti yang bersepadu (Bencana Alam:- Banjir, Tanah Runtuh). • Migrasi penduduk luar bandar ke bandar (Culture Shock). • Masalah Sosial • Kepadatan penduduk (Perumahan Kos Rendah dan Penempatan Semula). • Pembuangan sampah merata tempat (Kurang kesedaran dalam memelihara dan memulihara alam sekitar). • Kelemahan penguatkuasa. • Tahao kesedaran dan capaian kemudahan ICT yang rendah – kawasan luar bandar. • Penyalahgunaan kemudahan ICT oleh penduduk • Kerjasama orang awam yang masih kurang. • Kuasa membeli kurang – pilihan terhad. • Pertindihan dan pertambahan tugas. • Generasi muda kurang berdaya saing.

Analisa P.E.S.T .L.E

Analisa P.E.S.T.L.E (Politik, Ekonomi, Sosial dan Teknologi, Perundangan dan Persekitaran). digunakan untuk menilai enam faktor luaran berhubung dengan fungsi dan peranan utama Majlis Daerah Sarikei

.PESTLE	Peluang	Cabaran
Politik	- Ahli Majlis mewakili parti politik yang memerintah. - Mendapat sokongan dari wakil rakyat tempatan daripada parti memerintah/kerajaan. - Mendapat peruntukan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) melalui geran yang disalurkan kepada wakil rakyat.	- Parti-parti pembangkang yang lebih teratur, lebih lantang bersuara dan bermaklumat. - Rakyat lebih mencabar - Campurtangan pihak politik dalam keputusan dan pengurusan operasi Majlis. - Permintaan dan jangkaan rakyat dan stakeholders yang tinggi.
Ekonomi	- Pembangunan Pesat di kawasan Pentadbiran Sarikei - Peluang untuk menjana pendapatan - Membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada komuniti setempat - Food basket of Sarawak - Program daripada agensi kerajaan atau swasta - Pembangunan SCORE di Zon Tengah dan HALAL HUB di Tg. Manis menjanjikan peluang-peluang meningkatkan ekonomi. - PAN-BORNEO HIGHWAY new township menarik banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.	- Peningkatan Kadar Inflasi - Pengangguran - Kos Hidup Yang Tinggi - Kadar Gaji Yang Rendah dan Tidak Munasabah - Nilai Mata Wang Jatuh - Kos Penyelenggaraan Infrastruktur meningkat - SST yang membebankan - Hasil Kutipan Cukai Taksiran yang Berkurangan kerana Polisi Kerajaan - Kadar kemiskinan bandar meningkat.

Sosial	• Melahirkan modal insan yang berilmu • Peningkatan jumlah penglibatan komuniti dalam aktiviti Majlis	• Kadar Jenayah yang meningkat • Vandalism (Tiada semangat kepunyaan terhadap harta benda awam. • Ancaman Orang Luar • Peningkatan Kejadian Penyakit Berjangkit
	• Sebagai medium untuk menyalurkan maklumat kepada komuniti • Menjadikan perkhidmatan MD Sarikei semakin efficient • Kampung Tanpa Wayar	• Penyalahgunaan ICT • Perubahan Teknologi yang Cepat • Sikap Tidak Bertanggungjawab (Berita Palsu dan memainkan isu-isu sensitif) • Peningkatan kehendak pelanggan
Legal	• Pelbagai undang-undang dapat membantu Majlis menjalankan tugas dengan lebih efektif.	• Kekangan pegawai menguatkuasa undang-undang. • Sistem dan peraturan yang tidak konsisten/bertindih. • Undang-undang yang lapok (Tidak Relevant).
	• Menyediakan persekitaran yang mampan dan bersih	• Pembuangan sampah haram • Banjir kilat. • Pencemaran Alam Sekitar • Kebertangungan kepada Majlis dalam menguruskan kebersihan persekitran. • Kurang Kesedaran Orang Awam terhadap Kepekaan Menjaga Alam Sekitar/Sifat Tidak Bertanggungjawab
Environment		





Bahagian 3: **ANALISA PELANGGAN**

Pelanggan

Keperluan dan ekspektasi setiap kumpulan pelanggan adalah berlainan. Untuk memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan adalah yang berkualiti maka penting untuk mengenalpasti pelanggan yang berurusan dengan Majlis Daerah Sarikei. Kumpulan pelanggan dikenalpasti untuk membantu pihak Majlis Daerah Sarikei mencadangkan nilai-nilai utama dalam berurusan dengan kumpulan-kumpulan pelanggan tertentu. Enam kumpulan pelanggan utama Majlis Daerah Sarikei adalah seperti berikut: -

Agensi-agensi kerajaan,

Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Bahagian Sarikei.

Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Persatuan ini bertindak sebagai satu badan yang mewakili keperluan ahli-ahlinya dan boleh menjadi kumpulan pendesak



Pemilik Kediaman Dan Premis Perniagaan/Industri


Pemilik premis kediaman dan perniagaan adalah kumpulan pelanggan yang penting kerana mereka juga adalah pembayar cukai taksiran. Mengharapkan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan mesra pelanggan.

Syarikat, perniagaan dan usahawan.

Kumpulan berorientasikan keuntungan, bersaing untuk mendapatkan kerja perolehan, pembekalan dan perkhidmatan daripada Majlis dengan menawarkan harga yang rendah dan berpatutan.

Masyarakat Luar Bandar - Kampung-kampung dan Rumah Panjang

Mengharapkan faedah dan projek pembangunan mampu mengangkat kualiti hidup mereka.



Stakeholders

Stakeholders atau pihak berkepentingan adalah sesiapa yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh dasar, program, projek dan penyampaian perkhidmatan oleh sesuatu organisasi. Mereka boleh berada di dalam atau di luar dan mereka boleh berada pada peringkat tertinggi atau rendah. Bagi Majlis Daerah Sarikei, pihak berkepentingan (stakeholders) utama adalah: -

Kerajaan Negeri Sarawak

Kerajaan Sarawak diketuai oleh Ketua Menteri Sarawak dan Kabinet negeri

Kerajaan Malaysia

Kerajaan Malaysia secara langsung dan tidak langsung melalui kementerian, jabatan atau agensi kerajaan persekutuan yang menyediakan bantuan dan sokongan kepada pihak majlis.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak

Agensi penyelaras dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan semua pihak berkuasa tempatan di Sarawak (termasuk Majlis Daerah Sarikei).

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Ketua Perkhidmatan Awam Sarawak mempunyai kuasa untuk mengarahkan semua agensi kerajaan negeri untuk berusaha ke arah perkhidmatan awam yang bertaraf dunia.

Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen

Sebagai wakil rakyat dan bertanggungjawab untuk membawa transformasi ke kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan program, projek ekonomi dan sosio-budaya.

Kaunselor /Ahli Majlis Daerah Sarikei

Ahli-ahli Majlis menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam menetapkan dasar dan membuat keputusan penting yang mempunyai kesan yang besar ke atas operasi Majlis.

Komuniti dalam kawasan Majlis Daerah Sarikei

Komuniti di kawasan bandar dan luar bandar mengharapkan Majlis Daerah Sarikei menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, sensitif terhadap keperluan mereka dan proaktif dalam aduan mereka.

Warga Majlis Daerah Sarikei

Pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Sarikei mengharapkan sokongan dalam aspek ganjaran dan kebajikan, perkembangan kerjaya, pembangunan kecekapan dan pengurusan bakat mereka.

Cadangan Nilai Pelanggan -Stakeholders

Cadangan Nilai Pelanggan - *Stakeholders* menjelaskan keperluan dan jangkaan pelanggan dan stakeholders Majlis Daerah Sarikei . Jadual di bawah menghuraikan nilai pelanggan mengikut kumpulan stakeholders Majlis. Cadangan nilai pelanggan akan menjadi asas dalam

merekabentuk ciri-ciri perkhidmatan, penyampaian perkhidmatan , pengurusan perhubungan, projek dan semua aktiviti dalam program Majlis Daerah Sarikei dalam masa 5 tahun akan datang.

STAKEHOLDERS/ PELANGGAN	CADANGAN NILAI PELANGGAN
Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan / Pembuat Dasar	• Perkhidmatan perbandaran Cemerlang • Tadbir Urus yang Baik • Pelaksanaan Program dan Projek dan Penyampaian Perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pelanggan dan rakyat. • Mengutamakan rakyat dalam membuat Keputusan, penyediaan dan pelaksanaan kemudahan asas/infrastruktur. • Keselesaan, Keamanan, keharmonian dan kemakmuran. • Kemudahan maklumat.
Kementerian / Jabatan Agensi Negeri Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan	• Agensi kerajaan contoh dalam melaksanakan program dan projek transformasi komuniti. • Menyediakan Perkhidmatan Profesional • Mengamalkan kolaborasi strategik yang baik.
kumpulan Perniagaan dan usahawan Kumpulan Perdagangan dan kumpulan industri. Pemilik Projek dan pemaju Penduduk dan komuniti	• Cepat, boleh dipercayai Perkhidmatan yang cekap dan berkesan yang memenuhi atau melebihi jangkaan. • Responsif kepada aduan. • Sopan, perramah dan suka menolong. • Memperkasakan komuniti
Staf/Warga Kerja Majlis.	• Menyediakan persekitaran Kerja yang selesa • Nilai-nilai bersama (PANS) • Perhatin terhadap pembangunan kerjaya,perkhidmatan, Kesihatan dan Kebajikan



Bahagian 4:

HALATUJU STRATEGIK

2020 – 2024

Impak Strategik 2020 – 2024

LEBIH TINGGI
Keyakinan Rakyat
Terhadap Kerajaan
Negeri

Kejayaan Majlis dalam menyediakan perkhidmatan kerajaan yang berorientasikan rakyat meningkatkan keyakinan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Sarawak

LEBIH MELUAS
Amalan Tadbir Urus
Yang Baik

Pelaksanaan inisiatif amalan terbaik dan tadbir urus yang baik dalam semua peringkat organisasi Majlis akan menjadi asas kukuh untuk memperkasa integriti dan ketelusan.

MENINGKAT
Produktiviti Dan Kualiti
Penyampaian
Perkhidmatan

Pengurusan sumber-sumber organisasi secara optima ke arah merealisasikan objektif strategik dan visi organisasi menjurus kepada peningkatan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan rakyat

LEBIH BAIK
Imej Majlis Sebagai
Agensi Kerajaan

Peningkatan prestasi dan kejayaan dalam melaksanakan program dan projek akan meningkatkan imej Majlis sebagai agensi barisan hadapan kerajaan.

MENINGKAT
Kepuasan Pelanggan
Dan Stakeholder

Penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang fokus pelanggan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan *stakeholders*.

LEBIH TINGGI
Tahap
Kelestarian
Hidup

Pelaksanaan program dan projek yang seimbang merapatkan jurang pembangunan sosio-ekonomi dalam kawasan Majlis dan meningkatkan tahap kelestarian hidup dalam komuniti.

Isu dan Cabaran

Isu dan cabaran semasa dijangkakan akan memberi impak ke atas usaha merealisasi visi dan melaksanakan program dan projek dalam tempoh 5 tahun akan datang. Diantara isu dan cabaran utama adalah: -

Penduduk Luar Bandar	Sebahagian besar penduduk dalam kawasan jagaan Majlis terdiri daripada penduduk luar bandar. Secara amnya penduduk terdiri daripada golongan umur yang kurang produktif dari segi tenaga kerja yang terdiri daripada kanak-kanak dan warga emas. Kebanyakan belia dan kumpulan umur dalam lingkungan 20 – 40 berhijrah ke kawasan bandar untuk mencari peluang peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.
Kurang Kemudahan dan Infrastruktur Asas Luar Bandar	Masih terdapat kawasan penempatan (kampung, rumah panjang) yang masih memerlukan kemudahan asas, infrastruktur sosial dan infrastruktur asas yang diperlukan untuk membangun taraf hidup dan kesejahteraan komuniti.
Isu Sosial	Kualiti hidup, perumahan kemiskinan dan gejala sosial menyebabkan pembangunan bandar yang tidak dapat diuruskan dengan baik.
Isu Alam Sekitar	Pembuangan sampah secara haram, kelewatan pemungutan sampah dan penggunaan plastik/sterofoam yang masih berleluasa.
Pengurusan Kawasan Lapang	Kekurangan peruntukan, pematuhan kepada polisi dan proses perwartaan yang kurang elektif.
Ekonomi	Krisis ekonomi dunia memberi kesan kepada PBT dari segi cukai taksiran. Masalah seperti pembayar cukai mengelak daripada membayar cukai menjadi cabaran kepada PBT. Selain itu, polisi kerajaan yang mengenakan diskaun cukai taksiran untuk cukai dari tahun sebelum 2016.
ICT	Capaian internet yang terhad, penyalahgunaan IT untuk menyebarkan maklumat palsu dan kekurangan penggunaan IT untuk digunakan sebagai penyampaian perkhidmatan.

Vandalism

Kesedaran sivik masyarakat terhadap harta benda awam masih rendah. Tabiat untuk merosakkan atau membuat lakumusunah peralatan/kelengkapan masih tinggi seperti merosakkan tempat menunggu hingga menyebabkan kemudahan ini tidak dapat digunakan.

Urbanisasi


Penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar menyebabkan kepadatan penduduk, keperluan untuk pembinaan penempatan baru dan menyebabkan wujudnya kawasan setinggan serta gejala sosial (culture shock).

Cabaran Politik

Campur tangan politik dalam pelantikan ahli Majlis dan kerajaan negeri adalah darpada anggota parti pemerintah. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk bersikap adil terhadap penduduk kerana cenderung kepada kehendak politik.



SP – BSC FRAMEWORK MAJLIS DAERAH SARIKEI



Penjajaran Strategik

Penetapan halatuju strategik Majlis Daerah Sarikei dibuat dengan meneliti perspektif strategik kerajaan Negeri Sarawak, halatuju strategik Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

Perspektif Strategik Kerajaan Sarawak

Perspektif strategik dan dasar pembangunan Kerajaan Sarawak menjadi input dalam penetapan halatuju strategik Majlis. Input utama yang diambil kira dalam penyediaan halatuju strategik dan pelan tindakan strategik Majlis adalah seperti berikut:-

- Visi Kerajaan Sarawak - *to achieve high income economy and quality of life by 2030.*
- Fokus pembangunan – *digital government driving digital economy.*
- Pelan Transformasi Sarawak – perspektif pembangunan Sarawak:-
 - Pelan Transformasi Sosial Ekonomi (Social Economic Transformation Plan)(SETP)
 - Pelan Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Plan) (RTP)
 - Pelan Transformasi Prestasi & Penyampaian Perkhidmatan (Performance & Service Delivery Transformation Plan) (PSDTP)

Halatuju Strategik Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)

Visi PANS –

“World Class Civil Service” .

Halatuju Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

Visi:-

Persekitaran hidup lestari untuk semua. (Sustainable Living Environment for All.)

Misi: -

Kami komited untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti melalui tadbir urus yang baik. (We are committed to improve the quality of life of our community through good governance.)

Sustainable (Mampan/Lestari)

Menurut Brundtland Report, United Nation 1987, sustainability atau mampan/ lestari bermaksud memenuhi keperluan masakini tanpa berkompromi dengan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. (Sustainability – means meeting the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs. – Brundtland Report, United Nation 1987)

sustainability) adalah:-

a. Kemampanan Persekitaran

Komponen utama dalam kemampanan persekitaran adalah mengekalkan sumber, melindungi alam dan memelihara hidupan liar.

b. Sosial

Komponen utama dalam sosial adalah menggalakkan komuniti, membasmi kemiskinan dan memastikan kesaksamaan.

c. Ekonomi

Komponen utama adalah dari segi kewangan dapat dilaksanakan, pengurusan jangka panjang dan ekonomi yang seimbang.

Kelestarian/kemampanan melibatkan tindakan memelihara dan mengekalkan. Diantaranya adalah inisiatif 3R Majlis yang melibat kitar semula, guna semula dan pengurangan penggunaan.

Kelestarian Hidup (Sustainable Living)

Konsep kelestarian hidup adalah menekankan pembangunan pertumbuhan masyarakat (societal growth) yang berlandaskan kepada 3 tiang kelestarian dan menitikberatkan aspek memelihara dan mengekalkan persekitaran, sosial dan ekonomi.

Visi dan Misi Majlis Daerah Sarikei

Visi

Pembangunan Lestari, Komuniti Sejahtera

Deskripsi Visi

Majlis Daerah Sarikei berhasrat untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat melalui pembangunan lestari yang merangkumi aspek-aspek berikut: -

1. Majlis Daerah Sarikei akan melindungi sumber dan keindahan alam sekitar dalam melaksanakan program dan projek pembangunan sosio-ekonomi tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang;
2. Majlis Daerah Sarikei akan meningkat kesejahteraan hidup melalui intervensi yang berimpak tinggi dalam meransang kemajuan sosial dengan memberi fokus kepada pembasmian kemiskinan tegar dan pembangunan sosial yang seimbang antara penempatan, kawasan dan daerah dalam jagaan Majlis.
3. Majlis Daerah Sarikei akan memperkasa pembangunan ekonomi penduduk dengan menyediakan prasarana ekonomi yang dapat memudahkan peningkatan pendapatan komuniti.

Kesejahteraan Hidup bermaksud kehidupan berkualiti berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:-

1. Mendapat akses kepada perkhidmatan berbandaran yang disediakan oleh Majlis . Contoh:- perkhidmatan infrastruktur asas, infrastruktur sosial dan fasiliti
2. Persekitaran kehidupan yang bersih, indah dan sihat
3. Akses kepada perkhidmatan dan projek yang mesra rakyat
4. Pembangunan yang seimbang diantara kawasan bandar dan luar bandar.

Misi

Kami komited meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti melalui perkhidmatan bandar yang lestari

Deskripsi Misi

Maksud:

1. **Kami** bermaksud semua warga kerja Majlis Daerah Sarikei (ahli-ahli Majlis, pihak pengurusan, pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Sarikei
2. **Komited** bermaksud rasa dedikasi dan kesetiaan kepada visi, misi, dan objektif Majlis Daerah Sarikei .
3. **Kualiti Hidup** bermaksud taraf hidup masyarakat bertambah baik dan meningkat ke satu tahap atau situasi yang lebih baik dari masa ke semasa dalam apa jua perubahan yang berlaku dalam persekitaran komuniti.
4. **Perkhidmatan Perbandaran yang Lestari** bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis Daerah Sarikei dalam usaha untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada penduduk seperti penyelenggaraan kawasan persekitaran, kawalan kesihatan awam, kemudahan ekonomi dan sosial dan infrastruktur pembangunan. Memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti meliputi:-
 - Menyediakan Prasarana Yang Berkualiti.
 - Menyedia Perkhidmatan Yang Mesra,
 - Dapat Membantu Dan Berfokuskan Pelanggan.
 - Responsif Terhadap Aduan.
 - Memberi Tumpuan Kepada Pembangunan Komuniti.
5. **Komuniti** – komuniti dalam kawasan jagaan Majlis

Nilai Teras Bersama

Penerapan nilai-nilai teras bersama ini sebagai budaya dalam Majlis Daerah Sarikei akan membantu untuk membentuk dan membangun sikap dan kelakuan warga kerja Majlis.. Nilai-nilai teras bersama ini akan menjadikan landasan transformatif untuk menyedia Majlis Daerah Sarikei sebagai model pusat untuk kemajuan komuniti di Sarawak menjelang tahun 2020.

Pengurusan budaya perubahan dalam Majlis Daerah Sarikei perlu diselaraskan dengan agenda transformasi dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang bertujuan untuk:-

1. Untuk lebih berkesan dan cekap dalam penyampaian perkhidmatan
2. Untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan ekonomi maju
3. Untuk meningkatkan kualiti hidup penjawat awam dan Rakyat.

Integriti

Integriti adalah ibu kepada segala nilai. Dalam konteks perkhidmatan awam, integriti bermaksud jujur, amanah dan kebertanggungjawaban yang diterjemahkan melalui ketelusan, keadilan dan kesaksamaan dalam tindak-tanduk.

Baik dan Prihatin (Kind and Caring)

Baik hati dan prihatin adalah aspek empati dan keprihatinan dalam pelaksanaan tugas seharian baik terhadap rakyat mahupun rakan sekerja. Nilai baik hati dan prihatin akan mewujudkan suasana harmoni dan muhibbah kerana didasari rasa ikhlas dan setiakawan

Profesionalisma (Professionalism)

Profesionalisme merujuk kepada kompetensi kerja dan sendiri yang tinggi serta sikap yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Profesionalisme penjawat awam adalah kebolehan untuk bertindak adil, telus, patuh kepada peraturan dan arahan tanpa mengira status atau pertalian. Kepentingan organisasi diberi lebih keutamaan daripada kepentingan individu..

Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya (Sense of Urgency & Ownership)

Sikap kesegeraan dan semangat sepunya memerlukan penjawat awam bertindak dengan cepat tanpa melengah-lengahkan masa. Nilai ini menuntut agar tugas yang dilaksanakan adalah atas dasar tanggungjawab dan kesetiaan kepada organisasi.

Semangat Berpasukan (Team Spirit)

Semangat Berpasukan adalah kemahuan yang kukuh bagi menjalin hubungan antara individu dan kumpulan dalam melaksanakan sesuatu tugas untuk mencapai matlamat yang sama. Semangat

ini dijamin melalui kerjasama, komitmen serta interaksi yang harmoni melalui pertukaran idea dan pengalaman.

Berorientasikan Hasil Kerja (Result-oriented)

Berorientasikan hasil bermaksud minda dan tindakan yang berfokus kepada hasil

dan impak. Elemen penting bagi mencapai berorientasikan hasil dalam menjalankan tugas adalah SMART iaitu specific, measurable, achievable, realistic dan timeline. Hal ini bermakna MDS perlu memastikan setiap tindakan yang diambil perlu dirancang dengan teliti dengan mengambil kira semua elemen ini dan bukan bertindak secara melulu.



Tema Strategik dan Hasil Strategik

Pencapaian visi akan dipermudahkan melalui pemilihan bidang fokus strategik atau tema strategik yang akan diberi tumpuan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Hasil strategik adalah impak yang

dihasilkan dalam memberi fokus kepada kepada Tema Strategik. Impak positif akan diterima oleh organisasi Majlis Daerah Sarikei pelanggan, stakeholders dan komuniti dalam kawasan jagaan Majlis.

Tema Strategik	Hasil Strategik (Impak)
Tadbir Urus Yang Baik dan Pematuhan Peraturan (<i>Good governance and Regulatory Compliance</i>)	○ Organisasi berprestasi tinggi yang menyediakan perkhidmatan yang berorientasikan rakyat.
Pengurusan Projek dan Program	○ Pelaksanaan program pembangunan dapat dilakukan dengan berkesan ○ Rakyat mendapat faedah optima daripada program dan projek pembangunan.
Penglibatan Stakeholder (<i>Stakeholder Engagement</i>)	• Komuniti yang berkuasa (empowered), berdikari, berdaya maju, proaktif, dan progresif • Jumlah dan aktiviti sukarelawan dalam pembangunan komuniti meningkat. • Penyertaan dan penglibatan dalam aktiviti komuniti meningkat.
Penguatkuasa	• Mendapat kerjasama dan sokongan daripada agensi penguatkuasaan dan komuniti. • Persekitaran yang selamat, selesa dan sihat
Perkhidmatan Perbandaran	• Penduduk di keasawan jagaan Majlis Daerah Sarikei menikmati perkhimdatn Majlis yang memuaskan di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

Tema Strategik	Hasil Strategik (Impak)
	- Tahap kepuasan pelanggan, pihak berkepentingan dan komuniti meningkat. - Prestasi dan Imej Majlis Daerah Sarikei meningkat

Pemantapan dan pemerkasaan lima (5) Tema Strategik akan dilakukan melalui penetapan Objektif Strategik yang akan

menjadi sasaran yang perlu dicapai dan dikekalkan sepanjang 5 tahun tempoh Pelan Strategik.

Objektif Strategik

Pencapaian hasil strategik dilakukan dengan menetapkan objektif strategik yang relevan untuk semua tema strategik. Objektif strategik merupakan bidang untuk memacu organisasi Majlis ke arah visi.

penambahbaikan berterusan yang perlu dilakukan untuk mencapai hasil strategik. Objektif strategik perlu dilaksanakan

Tema Strategik	Objektif Strategik
